

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kulim  
Bandar Baharu]**

**TARIKH : 13 November 2017 (Isnin)**

**SOALAN : Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan]  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah  
tindakan yang akan diambil oleh pihak  
Kementerian untuk membantu pekebun  
sayur di Sg. Soi yang selalu menghadapi  
kerugian kerana hasil tanaman sayur rosak  
akibat banjir.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Antara bentuk bantuan yang diberikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian (DOA) kepada para pekebun sayur di Sg. Soi, Kuantan yang selalu menghadapi kerugian akibat banjir adalah melalui penyaluran bantuan wang pampasan banjir dan bantuan dalam bentuk input pertanian.

Pada tahun 2011, sebanyak RM55,200 wang pampasan banjir telah diberikan kepada 32 orang petani. Pada tahun 2013, wang pampasan yang disalurkan adalah berjumlah RM65,600 melibatkan 35 orang petani. Manakala bagi tahun 2015 dan 2016, bantuan telah diberikan dalam bentuk input pertanian di bawah Program Pengembangan Teknologi Tanaman Sayuran dan Tanaman Kontan di mana pada tahun 2015 sebanyak RM57,369 telah diberikan kepada 8 orang petani terlibat dan pada tahun 2016 seramai 11 orang petani telah menerima bantuan berjumlah RM44,125.00. Pada tahun 2017 pula, seramai 26 orang pekebun sayur di Sg. Soi telah mendapat bantuan dari Projek Peningkatan Hasil Sayur-Sayuran sebanyak RM47,790.00. Bantuan diberikan dalam bentuk input pertanian seperti baja, racun dan alatan pertanian.